

BERITA HARIAN

DATE: 6/8/2008

# Tidak had permit perniagaan: PM

BH-6/8/2008

## PBT diminta pelbagai lesen niaga kakitangan awam

Oleh Sariha Mohd Ali  
dan Irwan Shafrihan Ismail  
[bhnews@bharian.com.my](mailto:bhnews@bharian.com.my)

**L**IPIS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan tidak mengehendkan pengeluaran permit dan lesen perniagaan untuk kakitangan awam berniaga selepas waktu kerja, dalam usaha mereka menambah pendapatan.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, pemantauan perlu dilakukan bagi memastikan lesen atau permit yang dikeluarkan itu tidak menjerus kepada satu jenis perniagaan saja di satu kawasan kerana ia boleh menjejaskan usaha meringankan beban kakitangan awam.

Berikutan itu, katanya, pegawai kerajaan perlu menentukan jenis perniagaan di ka-

wasan tertentu bagi mengelak berlaku lambakan barangan yang dijual sehingga gagal menarik pelanggan dan menjejaskan margin keuntungan.

"Saya hairan kenapa pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi berkaitan lewat sangat mengeluarkan permit dan lesen berkenaan kepada mereka yang mahu berniaga di pasar malam atau warung untuk menambah pendapatan.

"Tak usahlah cerewet sangat dan keluarkan lah lesen banyak mana pun sebab mereka nak cari pendapatan secara halal dan bukannya nak pergi mencuri.

"Tapi, kena perhatikan supaya tak semua lesen dikeluarkan itu untuk jual pisang goreng sebab nanti tak laku bila banyak sangat," katanya berucap merasmikan Projek Agropolitan Gahai di Tanjung

Gahai, dekat sini semalam.

Abdullah berkata, beliau sudah memaklumkan kepada Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan supaya memberi peluang kakitangan awam bekerja di luar waktu pejabat untuk menambah pendapatan.

Sementara itu, Abdullah berkata, kerajaan menyediakan bantuan kepada PKS yang menghadapi masalah bayaran semula dengan pihak bank iaitu memanjangkan tempoh bayaran semula atau memberi pinjaman tambahan menerusi dana RM700 juta yang disediakan.

Beliau berkata, kerajaan juga menyediakan peruntukan berjumlah RM500 juta kepada peniaga yang berhasrat membeli mesin bagi meningkatkan produk dikeluarkan.